

Pelaksanaan Bandar Selamat dan Pelakuan Jenayah Harta Benda di Kota Kinabalu, Sabah Satu Penemuan

Norita anak Jubit
Pelajar Sarjana Program Geografi
Sekolah Sains Sosial
Universiti Malaysia Sabah
noritajubit@ymail.com

²Dr Nor-Ina Kanyo
Pensyarah Kanan Program Geografi
Unit Penyelidikan Etnografi dan Pembangunan (UPEP)
Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
norina03@gmail.com, norina@ums.edu.my

³Prof. Madya Ahmad Tarmizi Abd Rahman
Penyarah Program Pengajian Islam
Pusat Penataran Ilmu dan Bahasa (PPIB)
Sekolah Sains Sosial, Universiti Malaysia Sabah.
Webamjad@hotmail.com

ABSTRAK

Berdasarkan Insititute For Economics and Peace (2012), Malaysia merupakan negara yang menduduki tangga keempat paling selamat di Asia Pasifik 2012. Namun, begitu, masalah jenayah di Malaysia masih di tahap membimbangkan khususnya masyarakat yang tinggal di kawasan bandar. Hal ini kerana jenayah yang berlaku berkadar langsung dengan kepesatan proses pembandaran. Kebanyakan jenayah berlaku adalah disebabkan kurangnya perancangan bandar yang efektif. Bagi mencegah pelakuan jenayah di kawasan bandar, pihak kerajaan telah mengambil beberapa inisiatif dan salah satu langkah yang telah dikenalpasti ialah pencegahan jenayah melalui pelaksanaan bandar selamat. Di Semenanjung Malaysia, langkah bandar selamat telah banyak dilaksanakan berbanding di negeri Sabah. Oleh sebab itu, kajian ini merungkai pelaksanaan 23 langkah bandar selamat terhadap pelakuan jenayah harta benda di Sabah khususnya di Kota Kinabalu yang masih kurang mendapat perhatian pihak pengkaji. Namun, persoalan yang timbul, sejauhmanakah konsep bandar selamat berjaya mengekang permasalahan jenayah harta benda seterusnya meningkatkan tahap keselamatan penduduk di bandar secara keseluruhannya?. Justeru itu kertas kerja ini cuba meneliti pelaksanaan bandar selamat bagi konteks Malaysia, khususnya di 10 lokasi yang digazetkan sebagai bandar selamat di Kota Kinabalu, Sabah seperti Pasar Besar, Api-api centre, Sinsuran, Bandaran Berjaya, Asia City, Sadong Jaya, Karamunsing, Sembulan, Sempelang dan Tanjung Aru.

Kata Kunci: Bandar Selamat, Jenayah Harta Benda, Kota Kinabalu.

ABSTRACT

By Institute For Economics and Peace (2012), Malaysia is a country that ranked as teh fourth safest in the Asia Pacific 2012. However, the problem of crime in Malaysia is still at alarming levels especially people living in urban areas. This is because the crime is directly proportional to rapid urbanization. Most crime is caused by the lack of effective urban planning. To prevent the commission of crimes in urban areas, the government has taken several initiatives and one of the steps that have been identified are prevention of crime through the implementation of safe city. In Peninsular Malaysia, safe city measure has been widely impelemented than in the state of Sabah. Therefore, this study the performance of 23 step dismantling safe city commission of crimes against property in Sabah especially in Kota Kinabalu, which is still less got that attention of researchers. However, the question arises, to what extent the concept of safe city successfully curb property crime problem, thereby increasing the level of safety of residents in the city as a whole?. Hence this paper attempts to examine the implementation of safe city for the Malaysian context, especially in 10 locations gazetted as a safe


city in Kota Kinabalu, Sabah such as Pasar Besar, Api-api Centre, Sinsuran, Bandaran Berjaya, Asia City, Sadong Jaya, Karamunsing, Sembulan, Sempelang dan Tanjung Aru.

Key Words: Safe City, Property Crime, Kota Kinabalu.

PENGENALAN

Sejak Malaysia mencapai kemajuan dalam pembangunan, kadar urbanisasi telah meningkat di beberapa buah negeri sehingga menyebabkan pusat bandar menjadi tumpuan penduduk sama ada dari dalam mahupun luar negara. Kepadatan penduduk di kawasan bandar khususnya telah mempengaruhi pembangunan menjadi tidak seimbang dalam kalangan masyarakat. Rentetan masalah tersebut, pelbagai isu telah wujud di bandar dan salah satu masalah yang paling besar untuk ditangani ialah masalah penularan jenayah dalam kalangan komuniti bandar. Peningkatan jenayah seringkali dipaparkan dalam media massa, televisyen dan juga sidang akhbar yang lain sehingga menimbulkan perdebatan dalam kalangan masyarakat dan pihak kerajaan mengenai isu pertikaian pembanterasannya. Menyedari kerumitan masalah jenayah yang semakin sukar untuk ditangani, program bandar selamat telah diperkenalkan sebagai salah satu inisiatif pencegahan jenayah bagi menjamin keselamatan dan memperkukuhkan kesejahteraan masyarakat.

METODOLOGI



<p>1. Mengenalpasti corak pelakuan jenayah harta benda (jenis, trend, kekerapan) di kawasan kajian.</p>	<p>Data dikumpul melalui kategori responden berikut:</p> <p>[i] Temubual mendalam dengan Pegawai – pegawai yang terlibat iaitu agensi PDRM, DBKK dan JPBD.</p> <p>[ii] Soal selidik diedarkan kepada 300 orang responden secara rawak di 10 lokasi yang digazetkan sebagai Bandar selamat.</p>
<p>2. Mengenalpasti keberkesanan Bandar selamat yang dilaksanakan oleh 3 agensi (JPBD, PDRM dan DBKK) di Kota Kinabalu.</p>	<p>[i] Temubual mendalam dengan Pegawai – pegawai yang terlibat iaitu agensi PDRM, DBKK dan JPBD.</p> <p>[ii] Soal selidik diedarkan kepada 300 orang responden secara rawak di 10 lokasi yang digazetkan sebagai Bandar selamat.</p>
<p>3. Mengenalpasti tahap pengetahuan penduduk terhadap perlaksanaan Bandar selamat di Kota Kinabalu.</p>	<p>[i] Soal selidik diedarkan kepada 300 orang responden secara rawak di 10 lokasi yang digazetkan sebagai Bandar selamat.</p>
<p>4. Mengenalpasti hubungkait perlaksanaan Bandar selamat terhadap perlakuan jenayah harta benda dan tahap keselamatan penduduk di Kota Kinabalu.</p>	<p>[i] Temubual mendalam dengan Pegawai – pegawai yang terlibat iaitu agensi PDRM, DBKK dan JPBD.</p> <p>[ii] Soal selidik diedarkan kepada 300 orang responden secara rawak di 10 lokasi yang digazetkan sebagai Bandar selamat.</p>

PELAKSANAAN BANDAR SELAMAT DI PERINGKAT GLOBAL

Jane Jacobs merupakan seorang penulis buku yang berjudul *The Death and Life of Great American Cities*. Jane Jacobs lahir pada 4 Mei 1916 dan meninggal dunia pada 25 April 2006. Beliau menetap di Scranton Pennsylvania, Amerika Syarikat. Sebenarnya konsep bandar selamat telah diutarakan oleh Jane Jacobs yang merupakan seorang wartawan melalui bukunya *Life and Death of American Cities* (Hidup dan Matinya Bandar Raya Amerika) yang diterbitkan dalam tahun 1961. Sebagai seorang penghuni bandar, beliau telah mengenal pasti ciri-ciri pengwujudan bandar selamat yang akhirnya telah diterima pakai sebagai panduan kepada perancangan bandar di Amerika Syarikat.). Hasil daripada penemuan kajian yang dijalankan oleh Jane Jacobs, maka di peringkat antarabangsa telah wujudnya konsep bandar selamat (Jane Jacobs, 1961

SEJARAH PERKEMBANGAN BANDAR SELAMAT DI MALAYSIA

Di negara Malaysia, konsep bandar selamat telah ditubuhkan oleh Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) seawal 1998. Mantan Perdana Menteri Malaysia, Tun Dr. Mahathir Mohammad telah menyempurnakan pelancaran penubuhan Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (Malaysia Crime Prevention Foundation) pada bulan Januari 1993. Tertubuhnya Yayasan tersebut, Malaysia telah mengesahkan bahawa negara terlibat secara langsung dalam forum perancangan pencegahan jenayah yang telah dilaksanakan oleh Bangsa-Bangsa Bersatu melalui Asia Crime Prevention Foundation di Shizuoka, Jepun. (Kamarudin Ngah et. al, 2013). Pada 19 Mac 1998, Datuk Seri Mohd Najib Tun Abdul Razak sebagai ahli jemaah Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (YPJM) pada masa itu telah meluluskan cadangan konsep bandar selamat sebagai satu inisiatif pencegahan jenayah di Malaysia. Dengan inisiatif tersebut, dua projek percubaan telah dicadangkan untuk dilaksanakan di Kuala Lumpur, iaitu di Bangsar Baru dan Rumah Awam Sri Johor, Cheras telah ditangguhkan atas sebab-sebab yang tidak dapat dielakkan. YAB Perdana Menteri Malaysia iaitu Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, pada masa itu menyatakan dalam mesyuarat Jemaah Menteri pada 28 Januari 2004 telah menyatakan kebimbangannya terhadap bilangan jenayah yang semakin meningkat di negara ini. Susulan daripada mesyuarat tersebut, Jemaah Menteri telah mencadangkan supaya diwujudkan bandar dan pekan yang selamat, sebagai langkah untuk mencegah jenayah dan Majlis Negara bagi Kerajaan

Tempatan (MNKT) telah menggariskan 23 langkah pencegahan jenayah untuk dilaksanakan pada peringkat pihak berkuasa tempatan (Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, 2005).

SEJARAH BANDAR SELAMAT DI KOTA KINABALU

Program bandar selamat DBKK dilancarkan pada 16 Januari 2011. Program bandar selamat di Kota Kinabalu bermula pada tahun 2010 apabila Jabatan Perancangan Bandar dan Desa (JPBD) Semenanjung Malaysia, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan memperkenalkan NKRA mengurangkan jenayah dan bandar selamat dengan sasaran untuk mengurangkan keseluruhan jenayah indeks sebanyak 5% setiap tahun sehingga akhir tahun sehingga akhir tahun 2012, dan mengurangkan kadar jenayah jalanan sebanyak 20% pada akhir tahun 2010. Pada tahun 2013, DBKK melaksanakan Inisiatif Pemutihan Kawasan Black Spot Bandaraya Kota Kinabalu. Pemilihan kawasan adalah berdasarkan Perbincangan dengan pihak IPD Kota Kinabalu, Mengenalpasti kriteria blackspot, Bengkel, Borang kaji selidik, Pengesahan kawasan oleh JPBD dan Cadangan Tindakan Program Bandar Selamat dan Pelaksanaan Projek Langkah Segera Program Bandar Selamat dan kaji selidik selepas pelaksanaan projek.


PENEMUAN KAJIAN: 23 LANGKAH PELAKSANAAN BANDAR SELAMAT DI KOTA KINABALU YANG TELAH DILAKSANAKAN OLEH PIHAK DEWAN BANDARAYA KOTA KINABALU (DBKK)

Kajian mendapati, bahawa tidak semua 23 langkah bandar selamat dilaksanakan di Kota Kinabalu. Berikut merupakan langkah-langkah bandar selamat yang telah dilaksanakan dan tidak dilaksanakan di 10 lokasi terpilih yang digazetkan sebagai bandar selamat di Kota Kinabalu iaitu Penyelidikan pencegahan jenayah melalui GIS-Based mapping, Pemasangan lampu di kaki lima premis, Tidak membenarkan peniaga meletak kenderaan di kaki lima premis, Menjanakan pelbagai aktiviti perniagaan, Pendidikan, Pemasangan lampu di tepi, depan dan belakang rumah, Penyediaan risalah jenayah komuniti, Meningkatkan rondaan di kawasan perumahan, Penyertaan awam dalam merancang & melaksanakan program bandar selamat. Bagi senarai langkah-langkah pencegahan jenayah yang tidak dilaksanakan adalah seperti Penyediaan bollard, Penyemakan garis panduan susun atur perumahan, Pondok polis, Penggera keselamatan dan Perkhidmatan pengawal keselamatan swasta.

PENEMUAN KAJIAN: TREN JENAYAH HARTA BENDA DI 10 LOKASI BANDAR SELAMAT DI KOTA KINABALU BAGI TEMPOH 2009-2013

Bahagian ini merupakan analisis trend jenayah harta benda bagi tempoh 5 tahun iaitu (2009-2013) di 10 lokasi bandar selamat di Kota Kinabalu. Trend jenayah adalah berbeza mengikut lokasi dan tahun. Penelitian trend jenayah harta benda di 10 lokasi bandar selamat adalah bertujuan mengkaji keberkesanan pelaksanaan bandar selamat dalam mencegah jenayah harta benda di Kota Kinabalu. Bagi mengetahui, trend jenayah harta benda dengan lebih lanjut, sila rujuk Jadual di bawah ini.


PASAR BESAR KOTA KINABALU



Jadual di atas menunjukkan trend jenayah harta benda di kawasan Pasar Besar. Trend jenayah harta benda berlaku dalam tiga fasa iaitu statik bagi tempoh 2009-2010 sebanyak 10 kes (91 peratus, 77 peratus) manakala fasa kedua 2010-2012 trend jenayah harta benda didapati menurun sebanyak 5 kes


(6 peratus). Namun demikian, bagi fasa ketiga jenayah harta benda di Pasar Besar telah meningkat kepada 7 kes (88 peratus) pada tahun 2013.

API-API CENTRE




Data di atas merupakan trend jenayah harta benda bagi kawasan Api-api Centre bagi tahun 2009 sehingga 2011. Berdasarkan penelitian ke atas Jadual, kajian mendapati jenayah telah meningkat bagi tempoh 2009-2010 iaitu sebanyak 11 kes. Curi dalam bangunan merupakan kes yang menyumbang angka paling tinggi bagi trend jenayah harta benda 2010. Namun demikian, bagi tempoh 2011-2013, jenayah harta benda telah menurun secara mendadak di Api-api centre iaitu berkurangan sebanyak 63 kes.

SINSURAN



Analisis kajian mendapati bahawa di kawasan Sinsuran, trend jenayah harta benda telah menurun bagi tempoh lima tahun iaitu dari tahun 2009-2013. Penurunan jenayah harta benda adalah sebanyak 63 kes. Punca penurunan kes kerana wujudnya pelaksanaan kempen-kempen jenayah yang dilaksanakan oleh IPD (Ibu Pejabat Polis) Kota Kinabalu seperti kempen mengunci motosikal, terdapatnya perkhidmatan pengawal keselamatan di bangunan-bangunan Sinsuran, pelaksanaan bollard di kawasan pejalan kaki, pencahayaan di lorong-lorong kedai dan peletakkan pondok polis yang strategik di kawasan tersebut.


BANDARAN BERJAYA



Bahagian sebelumnya adalah membincangkan trend jenayah harta benda di kawasan Sinsuran manakala bahagian ini pula membincangkan trend jenayah harta benda di kawasan Bandar Berjaya bagi tempoh 2009-2013. Berdasarkan statistik jenayah harta benda di kawasan ini, kajian mendapati


bahawa trend jenayah harta benda telah menurun bagi tempoh 5 tahun iaitu dari tahun 2009-2013 sebanyak 30 kes.

ASIA CITY




Jadual di atas menunjukkan statistik jenayah harta benda di kawasan Asia City bagi tempoh 2009-2013. Daripada tempoh tersebut, jenayah harta benda di Asia City paling banyak berlaku pada tahun 2009 dengan catatan kes sebanyak 54 kes. Penelitian ke atas data mendapati dalam tempoh 2009, jenis jenayah yang paling tinggi berlaku adalah kes curi dalam bangunan yang menyumbang sebanyak 15 kes berbanding jenis kecurian yang lain.. Namun demikian, trend jenayah harta benda telah menurun pada tahun 2010 hingga 2012. Pada tahun 2013, jenayah harta benda didapati telah meningkat kepada 26 kes.

SADONG JAYA




Seterusnya ialah analisis trend jenayah harta benda di kawasan Sadong Jaya bagi tempoh 2009-2013. Berdasarkan statistik di atas, jenayah harta benda telah meningkat bagi tempoh 2009-2010 iaitu sebanyak 7 kes. Pada tahun 2011 hingga 2012 trend jenayah telah menurun daripada 19 kes kepada 12 kes. Bagi tempoh 2013, jenayah harta benda di Sadong jenayah telah meningkat semula kepada 17 kes. Penelitian ke atas data mendapati jenayah telah berkurangan pada tahun 2011-2012 iaitu sebanyak 7 kes dan meningkat semula kepada 17 kes pada tahun 2013.


KARAMUNGING




Bagi kawasan Karamuning, jenayah harta benda didapati berlaku dalam dalam dua fasa iaitu fasa pertama meningkat dan fasa kedua menurun. Pada tahun 2009-2010 jenayah harta benda telah meningkat sebanyak 21 kes. Namun, selepas pelaksanaan bandar selamat di Kota Kinabalu, trend jenayah harta benda didapati menurun pada tahun 2011 dengan catatan sebanyak 22 kes. Bagi tempoh 2012 pula, jenayah harta benda telah meningkat kepada 26 kes. Kajian mendapati, jenayah harta benda di Karamuning telah menurun kepada 11 kes pada tahun 2013.

SEMBULAN

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), bagi tempoh 5 tahun (2009-2013), kadar jenayah harta benda di Sembulan telah menurun mulai tahun 2009 dengan 58 kes kepada 35 kes pada tahun 2010. Sebanyak 54 kes jenayah harta benda dicatatkan pada tahun 2011. Ini menunjukkan pertambahan kes sebanyak 19 kes. Pada tahun 2012, bilangan kes telah menurun kepada 26 kes manakala pada tahun 2013 jenayah harta benda di Sembulan telah meningkat dengan catatan sejumlah 33 kes.

SEMPELANG

Kadar jenayah harta benda di Sempelang didapati berlaku dalam tiga fasa. Bagi fasa pertama iaitu (2009-2010) jenayah harta benda telah menurun daripada 21 kes kepada 10 kes. Bagi fasa kedua iaitu 2011 sehingga 2012, trend jenayah harta benda di Sempelang adalah statik iaitu sebanyak 10 kes dicatatkan bagi tempoh 2 tahun tersebut. Jenayah harta benda telah berkurangan kepada 6 kes pada tahun 2013.

TANJUNG ARU

Jadual di atas menunjukkan trend jenayah harta benda di kawasan Tanjung Aru iaitu bagi tahun 2009 hingga 2013. Merujuk statistik di atas, kajian mendapati trend jenayah telah meningkat dari tahun 2009 dengan 9 kes kepada 22 kes pada tahun 2010. Seterusnya, bagi tahun 2011 hingga 2012, trend jenayah harta benda di Tanjung Aru telah menurun daripada 9 kes kepada 8 kes. Analisis data mendapati trend jenayah harta benda telah meningkat semula pada tahun 2013 dengan catatan iaitu 14 kes.

KESIMPULAN

Kajian menyimpulkan bahawa, konsep bandar selamat yang dilaksanakan didapati tidak berkesan di lima buah lokasi iaitu Pasar Besar, Asia City, Sadong Jaya, Sembulan dan Tanjung Aru. Walaupun konsep bandar selamat telah dilaksanakan pada tahun 2011 di Kota Kinabalu, namun trend jenayah harta benda di 5 buah lokasi bandar selamat didapati masih meningkat selepas tempoh tersebut. Tidak kesemua 23 langkah pencegahan jenayah dilaksanakan di Kota Kinabalu. Pegawai Dewan Bandaraya Kota Kinabalu (DBKK) iaitu penolong jurutera menyatakan bahawa pihak DBKK menghadapi masalah kurangnya peruntukkan daripada kerajaan persekutuan untuk pelaksanaan Program Bandar Selamat DBKK seperti projek pencahayaan dan CCTV yang memerlukan belanja yang banyak untuk memasang, menaiktaraf serta penyelenggaraan.

RUJUKAN

- Jacobs, Jane. (1961). *The Death and Life of Great American Cities*. New York: Random House.
- Malaysia. (2005). *Jabatan Perancangan Bandar dan Desa. Garis Panduan Perancangan dan Pembangunan Sejangat*. Kuala Lumpur: JPBD.
- Kamaruding Ngah, Jamaludin Mustafa. (2013). *Perancangan Bandar Selamat di Malaysia Konsep dan Pelaksanaan*. Dewan Bahasa dan Pustaka. Kuala Lumpur.
- Global Report On Human Settlements. (2007). *Enhancing Urban Safety and security*. Diperoleh daripada: <http://mirror.unhabitat.org/pmss/listItemDetails.aspx?publicationID=2432> pada 20 Mei 2015.